

# Bina modal insan berkualiti

SF 27/07/08 P8.T14

Pendekatan siswa dan sisiwi masuk ke kampung menjayakan program anak angkat ini ialah sebagai satu langkah ke depan bagi membina modal insan cemerlang.

■ FARAH SHAZWANI ALI

**KAMPUNG UNDANG** - Pembinaan modal insan berkualiti bukan hanya berdasarkan kecermerlangan akademik semata-mata, tetapi penghayatan kehidupan bermasyarakat dan kemahiran berkomunikasi menjadi aspek penting ke arah itu.

Pegawai Pembangunan Parlimen Marang, Senator Datuk Abdul Rahman Bakar berkata, kecermerlangan akademik sewaktu di kampus umpamanya, bukanlah penanda aras sebenar kecermerlangan modal insan.

"Apa yang penting ialah, kualiti bukan sahaja terhadap akademik, tetapi kualiti terhadap diri sendiri dan bagaimana kita berkemampuan berinteraksi baik dengan masyarakat di sekeliling kita.

"Sebab itu saya melihat pendekatan siswa dan sisiwi masuk ke kampung menjayakan program anak angkat ini sebagai satu langkah ke depan bagi membina modal insan cemerlang.

"Selain dapat melihat kehidupan masyarakat kampung sebenar, mereka juga diuji dengan kemampuan bergaul dan menyesuaikan diri dengan penduduk kampung yang tentunya memberi dimensi baru dalam kehidupan me-



Anak angkat dari UMT mempersembahkan Tarian Poco-poco sempena majlis perasmian penutup di Dataran Kampung Undang, semalam.

reka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Program Wawasan Desa IPT di Dataran Kampung Undang di sini, semalam.

Majlis tersebut adalah anjuran Pejabat Belia dan Sukan Daerah Marang dengan kerjasama Universiti Malaysia

Terengganu (UMT), JKKK Kampung Undang dan Gerakan Belia 4B (M) cawangan Undang.

Seramai 40 pelajar UMT ber-kampung di Undang selama empat hari, sejak 23 Julai lalu bagi menjayakan program anak angkat itu. Mereka juga menjayakan program kebudayaan, sukaneka,

ceramah motivasi dan sebagainya sepanjang program itu berlangsung.

Program tersebut diadakan bagi memberi kesedaran dan pemahaman kepada golongan intelek terhadap peranan dan tanggungjawab dalam mencapai pembangunan modal insan yang prihatin, mahir dan dinamik.